

ASAS KEMAHIRAN KEBAPAAN DALAM PENDIDIKAN ANAK: ANALISIS BERDASARKAN KISAH LUQMAN AL-HAKIM

BASIS OF FATHERING SKILLS IN CHILD EDUCATION: ANALYSIS BASED ON THE STORY OF LUQMAN AL-HAKIM

Nor Farhana Abd Aziz¹
Azrin Ibrahim²

¹Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
Emel: 791791@gmail.com

²*Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
Emel: azrinibrahim@usm.my

Article history

Received date : 11-11-2022
Revised date : 12-11-2022
Accepted date : 25-12-2022
Published date : 27-12-2022

To cite this document:

Abd Aziz, N. F., & Ibrahim, A. (2022). Asas Kemahiran Kebapaan dalam Pendidikan Anak: Analisis Berdasarkan Kisah Luqman Al-Hakim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(51), 76 - 86.

Abstrak: Di dalam Islam seorang bapa mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan anak-anaknya mendapat didikan agama Islam dan kehidupan yang baik di dunia dan akhirat. Namun, cabaran yang berlaku dalam institusi keluarga menunjukkan bapa kurang ilmu pengetahuan kemahiran kebapaan yang sebenar dalam Islam malah bapa kurang memberi perhatian kepada anak sehingga terabai. Allah SWT telah memberikan contoh teladan agung di dalam Al-Quran berkaitan kemahiran kebapaan dalam kisah Luqman al-Hakim kepada anaknya yang wajar diketengahkan dan dicontohi oleh semua bapa. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak berdasarkan kisah Luqman dalam al-Quran. Kajian kualitatif asas dengan menganalisis data sekunder ini akhirnya menemui enam dapatan kemahiran kebapaan yang ditunjukkan Luqman al-Hakim dalam memberikan ajaran dan didikan kepada anaknya sehingga berjaya menjadikan anaknya seorang yang baik. Pertama mengajar anak untuk tidak menyekutukan Allah. Kedua, berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan selalu bersyukur. Ketiga, menanamkan sikap bertanggungjawab atas perbuatan sendiri kerana setiap perbuatan akan mendapat balasan dari Allah. Keempat, mendirikan solat serta mengajak berbuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran, kelima, membimbing anak untuk menjauhi sifat sombong dan akhirnya menanamkan kepada anak untuk sentiasa bersikap sederhana dan tidak berlebih-lebihan. Kajian ini akhirnya dapat membantu para bapa mengetahui asas-asas kemahiran kebapaan menurut Islam bagi mendidik anak-anak.

Kata kunci: Kemahiran Kebapaan, Luqman Al-Hakim, Pendidikan Anak

Abstract: *In Islam, a father has a great responsibility to ensure that his children receive Islamic education and a good life in this world and the hereafter. However, the challenges that occur in family institutions show that fathers lack the knowledge of real fathering skills in Islam, and even fathers pay less attention to children to the point of being neglected. Allah SWT has given a great example in the Al-Quran related to fatherhood skills in the story of Luqman al-Hakim to his son which should be highlighted and emulated by all fathers. The objective of this study is to examine fatherhood skills in child education based on the story of Luqman in the Quran. This basic qualitative study by analyzing secondary data finally found six findings of fathering skills that Luqman al-Hakim showed in giving teachings and education to his son so that he succeeded in making his son a good person. First, teach children not to associate with God. Second, do good to both parents and always be grateful. Third, inculcate the attitude of responsibility for one's own actions because every action will be rewarded by God. Fourth, establish prayer and encourage good deeds and avoid evil, fifth, guide the child to avoid arrogance and finally instill in the child to always be modest and not exaggerate. Finally, this study can help fathers know the basics of fathering skills according to Islam to educate children.*

Keywords: *Fatherhood Skills, Luqman Al-Hakim, Child Education*

Pengenalan

Pendidikan merupakan suatu kewajiban bagi setiap manusia. Melalui proses pendidikan, seseorang akan dapat menjadi manusia yang baik daripada sudut rohani dan jasmani. Pendidikan dari sudut istilah bahasa Arab lebih dikenali dengan perkataan *tarbiyah*, *ta'lim*, *ta'dib* iaitu merupakan proses bimbingan yang dilakukan oleh seorang pendidik terhadap anak didiknya baik dalam segi perkembangan jiwanya (fikiran, perasaan, kemahuan dan lainnya). Orang-orang Yunani (lebih kurang 600 tahun Sebelum Masehi) mengungkapkan bahawa pendidikan itu merupakan usaha membantu manusia menjadi manusia. Dalam pandangan mereka yang dimaksudkan sebagai manusia sekurang-kurangnya mempunyai tiga ciri berikut, iaitu: Pertama, memiliki kemampuan dalam mengendalikan diri; kedua, mencintai tempat tinggal; dan ketiga, mempunyai pengetahuan. Muhammad Javad al-Sahlan dalam *Al-Tarbiyah wa at-Ta'lim fi al-Qur'an al-Karim* menegaskan bahawa pendidikan itu merupakan proses mendekati manusia kepada tingkat kesempurnaan, dan mengembangkan kemampuannya. Menurut beliau, manusia yang sempurna itu adalah manusia yang mempunyai ketinggian iman dan ilmu dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai *uswatun hasanah* (Jalaluddin, 2003). Pendidikan dalam kehidupan manusia bahkan dalam negara mempunyai peranan yang sangat penting. Kemajuan dan kemunduran manusia dan juga negara bergantung dengan pendidikannya. Sistem pendidikan yang baik maka akan menjadikan manusia dan negara itu baik.

Membincangkan tentang pendidikan, maka tidak terlepas daripada membincangkan tentang anak kerana anak merupakan sebahagian daripada pendidikan iaitu orang yang dididik dalam pendidikan. Memberi pendidikan kepada anak mampu menjadikan seorang anak yang tidak tahu apa-apa menjadi cerdik dan pandai, dapat membezakan antara yang baik dan buruk malah menjadikan dirinya orang yang beramal dengan segala didikan yang diberikan kearah kebaikan, baik dari sudut spiritual dan fizikal. Segala sesuatu yang terjadi di dalam keluarga juga akan berguna bagi anak dalam memahami sebuah makna kehidupan. Oleh kerana itu pengalaman-pengalaman yang diterima anak merupakan pendidikan pertama dan paling utama dalam mengenal dan memahami sesuatu. Apabila pengalaman yang didapati selama tinggal bersama keluarga itu buruk maka akan mempengaruhi perkembangan anak di dalam kehidupannya.

Institusi kekeluargaan adalah unit yang terpenting dalam pendidikan pertama dan utama anak-anak, kerana keluarga yang akan meneguhkan pembangunan insan dalam sesebuah masyarakat dan pembangunan negara secara keseluruhan (Roslan Mohamed, 2013). Di sinilah tanggungjawab dan peranan bapa untuk mendidik anak-anak cara Islam dengan memberi contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Bapa harus menanamkan nilai-nilai kebaikan kepada anak semenjak di dalam kandungan lagi sebagai bekal dalam kehidupannya kelak. Seperti sabda Rasulullah SAW:

“Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani, atau Majusi.”
(HR Al-Bukhari 1385)

Di dalam Islam, bapa sebagai ketua keluarga bertanggungjawab untuk mendidik anak, memberi nafkah, kasih sayang, perlindungan dan bimbingan kepada anak-anak dan isteri dalam keluarga (Ratna Roshida & Nik Haslinda 2007 dan Adnan Hasan 1991; Heman Elia 2000).

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’ (4: 34):

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Sehubungan itu, sesuai dengan potensi dan kedudukan yang begitu tinggi diberikan kepada kaum lelaki iaitu bapa, maka beliau berkewajipan untuk menguruskan keluarga dengan baik serta mengatasi persoalan, krisis dan permasalahan yang timbul di dalam keluarga dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Dalam menguruskan keluarga, aspek kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak amat penting diberi tumpuan disebabkan kemahiran bapa yang baik mampu membina sebuah keluarga bahagia.

Oleh kerana itu sebagai bapa memiliki peranan penting dalam membina dan menumbuhkan jiwa keperibadian anak. Salah satu sikap dasar dan utama seorang bapa yang harus diberikan kepada seorang anak untuk menjadi manusia yang baik dan benar adalah memberi didikan agama yang kukuh, kerana agama memiliki kedudukan utama sebagai bekal kehidupan anak di masa hadapannya. Suri teladan bapa juga merupakan utama dalam kehidupan anak-anak kerana sikap dan cara hidup bapa merupakan unsur-unsur pendidikan yang diterima anak, secara tidak langsung akan memberi kesan dalam kehidupan anak. Masa kecil anak merupakan fasa paling penting dalam hidup seseorang kerana pada masa inilah perkembangan dan pertumbuhan anak yang menjadi sebuah titik penentuan bagi masa depan.

Peranan bapa dalam rangka memberikan pendidikan agama terhadap anak sebaiknya dilakukan sejak kecil kerana anak-anak mudah meniru perilaku bapa. Oleh itu, pendidik khususnya bapa sangatlah penting memberikan contoh-contoh perilaku yang baik untuk ditiru oleh anak-anak. supaya dapat membentuk peribadi dan akhlak anak (Fadillah, Lilif Mualifatu, 2013),. Seorang bapa sebaiknya mengetahui ilmu cara mendidik berdasarkan dengan Al-Qur’an dan As-sunnah, sehingga dapat menciptakan generasi yang mencintai dan mengamalkan Al-Qur’an. Menunjukkan contoh akhlak yang mulia boleh dimulai dari keluarga itu sendiri, seringkali bapa meremehkan dan melalaikan adanya latihan-latihan dan pembiasaan tentang keagamaan dalam

mendidik anak. Ada sebahagian bapa dalam mendidik anak hanya dengan perintah-perintah tanpa memberikan contoh dan tauladan yang baik sebagai proses pendidikan kepada anak. Peranan bapa inilah yang boleh memberikan impak yang besar bagi perkembangan pendidikan kerana anak banyak menghabiskan masa bersama keluarga ataupun ibu bapanya.

Pendidikan yang sudah tertanam dalam diri anak sejak kecil dengan baik akan membantu bapa dalam rangka mencipta sebuah keluarga yang sakinah dan diredhai Allah SWT. Namun salah satu permasalahan yang muncul adalah bapa tidak dapat memahami kemahiran kebapaan yang tepat dalam mendidik anak, ramai ibu bapa mengalami kekecewaan, kerana anak sebagai tumpuan harapan ternyata tidak sesuai yang diharapkan. Pendidikan yang keliru, dimana bapa sejak awal lagi sudah membesarkan dan mempersiapkan anak untuk memenuhi citarasa mereka semata-mata. Niat membesarkan mereka didorong untuk menuai hasil apabila anak-anak dewasa kelak seperti memperoleh ijazah-ijazah yang tinggi demi mencapai masa depan yang gemilang sehingga meraih kedudukan dan pangkat (Husain Mazhahiri, 1999).

Al-Qur'an memberikan contoh tentang proses pendidikan, sebagaimana terdapat dalam kisah Lukman al-Hakim, kisah Nabi Ibrahim, keluarga Imran, kisah Rasulullah SAW dan ramai lagi di dalam al-Quran yang boleh dijadikan ikutan untuk mendidik keluarga khususnya anak.

Begitu pentingnya pendidikan anak, sehingga bapa haruslah benar-benar berusaha dalam mendidik dan menanamkan nilai-nilai yang baik kepada anak kerana di bawah bapalah pendidikan awal dimulai sekaligus penentu masa depan anak di dunia dan di akhirat. Fenomena yang terjadi dalam kehidupan sehari-hari khususnya di Malaysia itu sendiri seperti masalah tingkah laku anak-anak yang tidak baik disebabkan masalah bapa yang tidak bertanggungjawab dalam memberi pendidikan dan perhatian terhadap anak. Antara dasar inilah pengkaji terdetik untuk melakukan kajian yang bertajuk "Kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak analisis: berdasarkan kisah Luqman al-Hakim".

Setakat penelitian pengkaji, tidak ditemui lagi kajian berkaitan kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak berdasarkan kisah Luqman al-Hakim. Hal ini paling tidak kerana beberapa sebab, antaranya: Allah telah menyebut nama Luqman al-Hakim di dalam al-Quran yang terkenal dengan nasihat-nasihatnya kepada anaknya sehingga Allah turunkan satu surah yang dikenali dengan Surah Luqman. Luqman al-Hakim merupakan manusia pilihan Allah SWT yang hebat, Allah telah menganugerahkan hikmah kepadanya sehingga beliau sentiasa bersyukur kepada Allah. Riwayat hidupnya penuh dengan kisah teladan yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan seharian kita sebagai pemimpin dan bapa. Diharap kajian ini dapat memberi sumbangan dan membantu dalam pembinaan keluarga bahagia serta dapat dijadikan panduan kepada Badan-badan Kerajaan dan Swasta dalam pelaksanaan program berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan.

Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah bagi kajian ini terbahagi kepada dua isu:

1. **Isu pertama iaitu kita ingin melihat apakah peribadi Luqman al-Hakim boleh menjadi asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak.**

Memberi pendidikan Islam kepada anak sangat penting dan ianya merupakan strategi pembentukan masyarakat pada masa akan datang. Baiknya masyarakat pada masa hadapan dipengaruhi oleh proses didikan pada masa kanak-kanak. Para bapa perlu menitik beratkan asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak dengan cara didikan Islam. Bapalah yang perlu

mencorak anak ke arah kebaikan dengan aqidah yang sejahtera, iman yang benar dan akhlak yang mantap. Hasilnya dapat mencapai matlamat redha Allah SWT di dunia dan akhirat.

Allah SWT telah memberikan contoh teladan agung di dalam Al-Quran berkaitan pendidikan anak dalam kisah Luqman al-Hakim yang wajar diketengahkan dan dicontohi oleh semua bapa. Kita nak tahu sejauh mana kandungan kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak yang ada diketengahkan dan dijadikan asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak. Isu-isu inilah yang mahu dirungkai dan dianalisis dalam kajian ini.

2. Seterusnya Isu kedua iaitu bapa bertanggungjawab dan berperanan dalam memberi pendidikan kepada anak seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' (4: 34):

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Berdasarkan surah al-Nisa' (4: 34) di atas Sayyid Qutb (2000) menjelaskan dalam tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* bahawa lelaki dibekalkan dengan ciri-ciri keberanian diri dan berfikir sebelum bertindak dan mempunyai emosi yang terkawal. Zulkifli al-Bakri (2010) juga turut menyatakan bahawa Allah SWT telah menganugerahkan potensi kepimpinan kepada lelaki seperti akal yang rasional, tidak mudah ikut perasaan berbeza dengan wanita yang mempunyai jiwa yang lembut dan mudah tersinggung. Sehubungan itu, sesuai dengan potensi dan kedudukan yang begitu tinggi diberikan kepada kaum lelaki maka bapa berkewajipan untuk mendidik anak dengan penuh hikmah dengan kemahiran kebapaan yang sebenar dalam Islam.

Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, persoalan kajian yang ingin dikaji ialah apakah asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak berdasarkan kisah Luqman al-Hakim.

Objektif Kajian

Mengenal pasti dan menganalisis asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak: analisis berdasarkan kisah Luqman al-Hakim.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kualitatif asas dengan menggunakan pendekatan analisis data sekunder bersumberkan al-Quran, kajian-kajian, dan penyelidikan yang terdahulu menerusi artikel jurnal serta buku-buku yang berkaitan dengan perbincangan mengenai asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak berdasarkan kisah Luqman al-Hakim.

Kemahiran Kebapaan Dalam Pendidikan Anak

Mengikut Kamus Dewan Bahasa (2002), kemahiran berasal dari perkataan mahir yang bermaksud terlatih, berkebolehan, berpengalaman, berbakat, serba boleh, pandai, cekap, kompeten; pantas, tangkas, lancar, fasih dan handal.

Razali (2013) dan Siti Nurshahizan (2014) pula mendefinisikan kebapaan sebagai seseorang yang memberikan arahan, bimbingan, perlindungan, penjagaan asas dan sokongan kepada anak-anak.

Manakala, kemahiran kebapaan pula merupakan term yang digunakan oleh ahli psikologi untuk menggambarkan bagaimana bapa mendidik anak-anak melalui disiplin, akhlak dan metode untuk mempengaruhi anak-anak bersosial (Kordi & Baharudin 2010). Lam & Mohamad (1991) menyatakan kemahiran kebapaan meliputi aspek-aspek kawalan, sokongan dan penglibatan bapa dalam kesemua aspek kehidupan anak-anak termasuklah membina personaliti anak-anak. Menurut Ishak (2004), kemahiran kebapaan dapat mempengaruhi anak-anak dari segi proses pembelajaran, social dan pembinaan personaliti.

Kemahiran kebapaan yang dianjurkan dalam Islam bersifat syumul kerana ia menekankan perimbangan konsep *al-falah* antara kedua-dua kehidupan di dunia dan akhirat. Justeru, bapa perlu mempunyai ilmu agama dan ilmu duniawi agar dapat menjadi pendidik dan pembimbing utama anak-anak yang berjaya dalam segenap aspek kehidupan mereka (al-Ghazali 2000; Ibn Khaldun 2002).

Biodata Luqman Al-Hakim

Keturunan Luqman al-Hakim

Pendapat ulama' berkenaan dengan keturunan Luqman al-Hakim:

- Muhammad bin Ishak berkata: Luqman bin Ba'ura' bin Nahur bin Tarih.
- Al-Suhaili berkata: Luqman bin 'Anqa' bin Sadun berasal daripada Aylah.
- Al-Zamakhsyari berkata: Luqman bin Ba'ura' bin Ukhti Ayyub atau Ibn Khalatih.

Sifatnya

Yahya bin Sa'id al-Anshari meriwayatkan bahawa Sa'id bin al-Musayyib berkata, "Luqman adalah orang hitam dari Mesir/Sudan dan berbibir tebal. Allah memberinya hikmah, tidak memberinya kenabian" Tafsir al-Tabari (10/208-209).

Sufyan al-Tsauri meriwayatkan daripada al-Asy'ath, daripada Ikrimah bahawa Ibnu Abbas berkata, "Luqman adalah seorang hamba sahaya dari Habsyah dan seorang tukang kayu." Menurut Jabir bin Abdullah, Luqman adalah seorang lelaki pendek dan berhidung pesek yang berasal dari Naubah. Dan menurut Al-Waqidi berkata: Beliau adalah Qadhi daripada Bani Israel.

Pekerjaannya

Para ulama' telah khilaf apakah pekerjaan Luqman al-Hakim di dalam Fatwa Dar al-Ifta' al-Misriyyah (no. 9211), antaranya:

- Beliau seorang qadhi.
- Beliau seorang penjahit pakaian.
- Beliau seorang pemungut kayu api.
- Beliau seorang penternak.
- Beliau seorang tukang kayu.

Menurut satu pendapat, beliau hidup pada masa Nabi Daud A.S. dan menjadi hakim pada zamannya. Pendapat lainnya menyatakan bahawa beliau hidup pada zaman Nabi Ayyub A.S dan masih memiliki hubungan keluarga dengan nabi Ayyub sebagai saudara sepupu.

Al-Thabathaba'iy berpendapat bahwa Luqman al-Hakim merupakan seorang yang wara', pendiam, cerdas, menutup pandangan dari perbuatan maksiat, tidak mentertawakan sesuatu, tidak pemaarah dan tidak memperolok-olokkan manusia lainnya. Menurut jumhur ulama, termasuk Imam Malik bin Anas, bahawa Luqman adalah seorang lelaki yang soleh dan bijaksana. Beliau bukan seorang nabi dan tidak mendapat wahyu daripada Allah tetapi dinyatakan Allah memberi hikmah kepadanya.

Beliau juga menikah dan memiliki anak. Para mufassir banyak berpendapat berkaitan nama anaknya. Menurut pendapat al-Kalbi, nama anak Luqman adalah Masykam. Menurut al-Naqasy, bernama An-am. Menurut Ibn Hayyan, bernama Asykar atau Syakir. Dan menurut al-Qurtubi nama anak Luqman adalah Syaran. Luqman mendidik anaknya dengan baik. Pada satu riwayat dinyatakan bahawanya Luqman telah menikah dan memiliki beberapa anak dan mereka mati, tetapi Luqman tidak menangisinya. Menurut imam Qusyairi, Luqman memiliki isteri dan anak yang keduanya kafir, ia selalu menasihatinya sehingga mereka masuk Islam.

Dapatan dan Analisis Kajian

Dalam kisah Luqman al-Hakim terdapat nasihat-nasihat yang boleh dijadikan asas kemahiran kebapaan dalam mendidik anak agar anak menjadi orang yang berjaya di dunia dan akhirat serta tidak mudah terpengaruh dan goyah dengan arus kemajuan zaman, beberapa nasihat-nasihat tersebut seperti berikut:

1. Luqman al-Hakim mengajarkan kepada anaknya untuk mengenal dan mengesakan Allah S.W.T dengan tauhid dan iman yang kuat kepada Pencipta.

Orang Islam yang sibuk dengan urusan dunia berbanding urusan agama maka mereka akan mudah melakukan perkara-perkara yang diharamkan Allah termasuklah membahayakan akidah dan syirik kepada Allah SWT. Nasihat pertama Luqman al-Hakim kepada anaknya yang boleh dijadikan contoh kepada bapa dalam mendidik anak ialah mengajarkan pendidikan aqidah iaitu mengesakan Allah agar anak tidak tergolong sebagai orang yang menyekutukan atau syirik kepada Allah SWT iaitu merupakan dosa yang paling besar. Nasihat Luqman al-Hakim tersebut terdapat pada surah Luqman ayat 13 berikut:

"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar"

(Surah Luqman: 13)

Ketika anak sudah boleh bercakap, maka ibu bapa boleh mengajarkan kepada anak untuk mengucapkan lafaz Allah serta menceritakan kepadanya siapa tuhan pencipta seluruh alam semesta yang wajib disembah dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami anak. Pendidikan ini akan membuatkan anak mengagumi ke-esaan Allah S.W.T.

2. Luqman al-Hakim mengajarkan kepada anaknya bagaimana cara berbuat baik dan bergaul dengan ibu bapa berserta bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan Allah.

Firman Allah di dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 14:

“Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu-bapaknya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapuhnya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua orang ibu bapakmu, hanya kepada-Kulah kembalimu.

(Surah Luqman: 14).

Ayat di atas menjelaskan, bahawa Allah memerintah manusia untuk setiasa berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T dan kepada kedua ibu bapa di atas segala kurnian dan nikmat yang Allah berikan.

Anak harus tahu perjuangan ibu bapa ketika mengasuh dan mendidiknya dari kecil sehingga besar. Bagaimana lelah Ibu yang telah mengandungkannya, melahirkan dan menyusu selama dua tahun serta mendidik sehingga dewasa. Begitu juga bapa, yang selalu menjaga, mendidik serta mencari nafkah untuk keluarga. Anak wajib berbakti kepada ibu bapa tetapi ada batasan yang Allah telah tetapkan dalam keadaan tertentu contohnya, jika ibu bapa mengajak untuk menyembah selain daripada Allah, maka anak dilarang untuk mengikuti arahan keduanya tetapi masih tetap menjaga hubungan dengan keduanya.

Bapa boleh mendidik anaknya dengan penerapan akhlak mulia yang paling mudah seperti melatih dan membiasakan anak untuk meminta izin dan bersalaman dengan kedua ibu bapa sebelum keluar rumah dan juga membiasakan anak untuk memberi salam dan bersalaman dengan orang yang ditemui terlebih lagi jika bertemu dengan orang yang lebih tua.

3. Luqman al-Hakim menanamkan sikap tanggung-jawab atas perbuatan sendiri yang dilakukan di dunia ini disebabkan setiap perbuatan akan mendapat balasan daripada Allah.

Membentuk anak dengan menanamkan rasa bertanggungjawab atas perbuatan yang dilakukan serta memberi kefahaman kepada anak bahawa segala perbuatan yang dilakukan akan selalu dilihat dan diawasi oleh Allah serta akan dipertanggungjawabkan samaada sesama manusia atau kepada Allah. Amal baik akan dibalas baik, amal buruk akan dibalas dengan keburukan. Anak yang tidak diajar untuk bertanggungjawab apabila ia melakukan kesalahan atau perbuatan tercela ia akan lari dan tidak mahu bertanggungjawab. Anak yang diajar bersifat untuk bertanggungjawab dari kecil akan melahirkan manusia yang berperibadi baik. Wasiat Luqman yang tercantum di dalam al-Qur'an ini dapat kita jadikan peringatan dalam keluarga sebagai tempat pendidikan. Sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 16:

(Luqman berkata): “Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, niscaya Allah akan mendatangkannya (membalasinya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui.”

(Surah Luqman: 16)

Bapa perlu mendidik anak dengan membiasakan anak untuk hidup jujur sejak kecil. Dengan diberi penjelasan menggunakan bahasa yang mudah difahami anak. Contohnya ketika anak menemukan barang yang bukan miliknya, maka anak diajarkan untuk tidak mengambilnya jika dia cuba mengambilnya juga walaupun sedikit akan tetap mendapat balasan.

4. Luqman al-Hakim menyuruh anaknya mengerjakan solat sebagai tiang agama serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran agar dijauhi daripada perbuatan yang negatif.

Firman Allah SWT dalam al-Qur'an surah Luqman ayat 17:

“Hai anakku, dirikanlah sholat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).”

(SurahLuqman: 17).

Berdasarkan nasihat Luqman, Bapa wajib mendidik anak mendirikan solat dan disertai amar ma'ruf nahi munkar. Baiknya seseorang bukan disebabkan kerana dirinya sendiri sahaja tetapi ia juga perlu mengambil tahu perihal orang lain. Amar ma'ruf nahi munkar iaitu kita menyuruh seseorang melakukan kebaikan dan menghalang daripada melakukan kemungkaran. Kerja yang mulia ini memerlukan kesabaran dan semangat yang sangat kuat disebabkan tidak ada perjuangan kecuali disertai ujian. Oleh sebab itu, pada akhir ayat ini ada perintah bersikap sabar dalam menghadapi apa pun rintangan.

Langkah awal yang perlu ibu bapa buat ialah mengenalkan apa itu solat dan bagaimana cara untuk melakukan solat seterusnya memberi nasihat kepada anak mengapa kita sebagai umat muslim diperintahkan untuk mengerjakan solat serta menjelaskan kepadanya apabila ia melakukan solat akan mendapat pahala dan hidupnya akan mendapat kesejahteraan dan kemudahan dari Allah, sebaliknya jika ia tidak melakukan solat akan mendapat kesukaran dalam menjalani kehidupannya.

5. Luqman al-Hakim membimbing anak agar jauh dari sifat-sifat sombong.

Apabila manusia mendapat kesenangan harta, kejayaan dan sebagainya mereka akan mudah bersifat sombong dan angkuh. Sombong merupakan perbuatan yang sangat dibenci oleh Allah. Maka bapa bertanggungjawab membimbing anak agar menjauhi diri dari sifat-sifat mazmumah yang dibenci Allah seperti yang ditunjukkan oleh Luqman melalui nasihatnya kepada anaknya yang termaktub di dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 18:

“Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (karena sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri.”

(Surah Luqman: 18)

Bapa perlu menasihati anak bahawa semua yang dimiliki manusia akan kembali kepada Allah. Dunia hanyalah tempat tinggal yang sementara. Bapa perlu mengajar anak untuk sentiasa bersyukur dengan apa yang Allah S.W.T kurniakan kepadanya. Dengan begitu anak akan memiliki sifat rendah diri dan tidak akan sombong dengan apa yang ia miliki.

6. Luqman menanamkan kepada anaknya untuk sentiasa bersikap sederhana dan tidak berlebih-lebihan.

Firman Allah SWT dalam surah Luqman, ayat 19

“Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”

(Surah Luqman: 19)

Dalam ayat ini Luqman mencontohkan sikap sederhana dan tidak berlebih-lebihan dengan perumpamaan sikap dalam berjalan. Baba boleh menyuruh anak agar berjalan dengan sopan santun sesuai dengan syariat Islam. Tidak berjalan lambat seperti jalannya orang yang lemah dan tidak pula berjalan terlalu cepat seperti orang yang tergesa-gesa, jadi berjalan dengan jalan sederhana dan pertengahan. Baba juga perlu mengajarkan anak untuk memiliki sopan santun dalam pergaulan sesama manusia. Jangan berlebihan dalam berucap dan jangan meninggikan suara Ketika bercakap. Baba juga harus mengajarkan kepada anaknya apabila bercakap dengan orang lain perlu menggunakan bahasa yang sopan dan lembut, serta menghormati orang yang diajak bersembang.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan antara asas kemahiran kebapaan dalam pendidikan anak berdasarkan kisah Luqman al-Hakim iaitu yang pertama, Luqman al-Hakim mengajarkan kepada anaknya untuk mengenal dan mengesakan Allah S.W.T dengan tauhid dan iman yang kuat kepada Pencipta. Kedua, Luqman al-Hakim mengajarkan kepada anaknya bagaimana cara berbuat baik dan bergaul dengan ibu bapa berserta bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan Allah. Ketiga, Luqman al-Hakim menanamkan sikap tanggung-jawab atas perbuatan sendiri yang dilakukan di dunia ini disebabkan setiap perbuatan akan mendapat balasan daripada Allah. Keempat, Luqman al-Hakim menyuruh anaknya mengerjakan solat sebagai tiang agama serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran agar dijauhi daripada perbuatan yang negatif. Kelima, Luqman al-Hakim membimbing anak agar jauh dari sifat-sifat sombong. Dan akhir sekali Luqman menanamkan kepada anaknya untuk sentiasa bersikap sederhana dan tidak berlebih-lebihan. Hasil kajian ini diharap dapat membantu para bapa mengetahui asas-asas kemahiran kebapaan menurut Islam dalam mendidik anak-anak.

Rujukan

- Indah Kartika Sari (2020). ‘Ibrah Kisah Luqman Al-Hakim Dalam Pendidikan Karakter Pada Anak Telaah Penafsiran Wahbah Az-Zuhaili Atas Surah luqman ayat 12-19 Dalam Tafsir Al-Munir. Program Studi Ilmu Al-Qur’an Dan Tafsir, Fakultas Usuluddin Dan FILSAFAT
- Mohamad Sulthoni (2015). Pendidikan Akhlak Bagi Anak Usia Dini (3 Sampai 6 Tahun) Di Lingkungan Keluarga Menurut Imam Alghazali, IAIN Syekh Nurjati Cirebon.
- Mohamad Sulthoni. (2015). Pendidikan Akhlak Bagi Anak Usia Dini (3 Sampai 6 Tahun) Di Lingkungan Keluarga Menurut Imam Al-Ghazali,. IAIN Syekh Nurjati Cirebon .
- Nasrullah Dan Muhammad Khairullah (2018). Mendidik Anak Dalam Al-Qur’an Kajian Atas Teladan Lukman Al-Hakim. Jurnal Syahadah, Universiti Islam Indragiri Mahasiswa STAI Auliaurrasyidin Tembilahan.
- Nida Mauizdati (2016). Konsep Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nashih Ulwan dalam Kitab Tarbiyah al-Aulād fi al-Islām, Tarbiyah dan Keguruan, Indonesia.

- Ninda Fatikasari (2020). Konsep Pendidikan Anak Menurut Imam Al-Ghozali Dalam Kitab Bidayatul Hidayah Dan Relevansinya Dengan Materi Akidah Ahlak Di Ma Yp Kh. Syamsuddin Durisawo Ponorogo, IAIN Ponorogo, Indonesia.
- Noor Hidayah. (2015). Konsep pendidikan Anak Menurut Ibnu Khaldun. Jurnal Penelitian, Indonesia.
- Norhayati Hadrianoor (2015). Cara Mendidik Akhlak Anak dalam Kitab Sairus Salikin Karangan Syekh Abdus Shamad Al-Palimbani, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Indonesia.
- Nuril Rochmatin. (2013). Konsep Pendidikan Anak Dalam Perspektif Al-Ghazali. Universitas Muhammadiyah Gresik Indonesia.
- Nurul Hidayat (2016). Konsep Pendidikan Islam Menurut Q.S. Luqman Ayat 12-19. *IAIN Tulungagung*, Jl. Mayor Sujadi No. 46, Tulungagung.
- Rasidah Mustafa . (2014). Didiklah dari hati. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Roslan Bin Mohmed (2013). Keluarga Muslim menurut Imam Hasan al-Banna. Selangor: Hijaz Records Publishinng.
- Siti Alfiah . (n.d.). Konsep Pendidikan Islam Anak Usia Dini Perspektif Al-Ghazali Dan Abdullah Nashih Ulwan, . Indonesia, Studi Komparasi Pemikiran: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini , 1 (1), 50-63, WISDOM.
- Sitti Riadil Janna. (2013). Konsep Pendidikan Anak Dalam Perspektif Al-Ghazali (Implikasinya Dalam Pendidikan Agama Islam),. Jurnal Kajian Ilmu Kependidikan, Indonesia.
- Sitti Riadil Janna. (2013). Konsep Pendidikan Anak Dalam Perspektif Al-Ghazali (Implikasinya Dalam Pendidikan Agama Islam),. *Al-TA'DIB: Jurnal Kajian Ilmu Kependidikan*, 6 (2), 41-55. Indonesia.